

17/08/2002

Rais minta hentikan polemik isu Takzir

Mokhtar Alias

KUALA KLAWANG, Jumaat - Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim meminta polemik Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Kerajaan Pas Terengganu dihentikan sementara waktu untuk memberi ruang kepada mahkamah membuat keputusan.

Beliau berkata, semua pihak perlu menyerahkan kepada mahkamah sepenuhnya dan tidak perlu berbalah pendapat mengenai perkara itu.

"Cerdik pandai di pihak sebelah kata demikian, cerdik pandai di sebelah pihak, berpendapat demikian. Jadi polemik ini tidak berkesudahan, (biarlah) penyelesaian undang-undang negara dan mahkamah negara menentukannya," katanya hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat pembangunan Majlis Daerah Jelebu, di sini.

Akhbar hari ini melaporkan kenyataan Dr Rais bahawa enakmen berkenaan boleh dipertikaikan di mahkamah apabila dikuatkuasakan kelak.

Dr Rais yang juga Ahli Parlimen Jelebu berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah mengingatkan bahawa Pas tidak boleh melaksanakan enakmen berat sebelah itu.

Namun, beliau tidak nampak kerajaan Terengganu akan menerima hakikat undang-undang negara dan tidak ada pilihan lain daripada meminta mahkamah membuat keputusan.

"Harus difikir apakah yang mereka buat selaras dengan tuntutan undang-undang syariah sebenar atau undang-undang hudud seperti dituntut di bawah al-Quran atau hadis atau ia adalah satu ciptaan baru yang menyimpang daripada ajaran Islam.

"Ini perlu ditentukan oleh pihak tertentu dalam ruang itu," katanya.

Dr Rais berkata, tindakan Pas memperkenalkan dua undang-undang hudud berbeza di Kelantan dan Terengganu menimbulkan persoalan.

"Undang-undang negara mencukupi sama ada Kanun Kesiksaan atau sistem perundangan negara lain. Mahkamah akan tentukan hak yang dituntut atau peranan yang dimainkan Terengganu dan Kelantan, benar atau tidak.

"Bukan saya kata mahkamah sudah buat keputusan, mahkamah tempat terakhir untuk tentukan sama ada ia sah di segi undang-undang atau sebaliknya," katanya.

Dr Rais juga berkata semua pihak tidak dapat lari daripada undang-undang negara dan perlu mematuhi.

"Undang-undang al-Quran adalah undang-undang agama. Undang-undang negara adalah undang-undang (untuk) pakaian semua. Bermakna dalam pakaian hidup kita, undang-undang negara dipakai. Undang-undang agama dipakai daripada segi peribadi.

"Lantaran itu, ramai pihak menyatakan apabila undang-undang al-Quran sudah wujud, sunnah nabi sudah wujud, apakah kita perlu mengenakan lagi apa yang sudah ada dalam al-Quran.

"Tapi, pihak lain mengatakan pula ini akademik. Sebenarnya kita mesti terjemahkan. Kalau diterjemahkan dengan baik dan tepat, diperakukan dengan tepat tidak mengapa, tetapi kalau versinya berbau politik, adakah itu akan menjadi undang-undang ummah di Kelantan dan Terengganu," katanya.